

Jenis Akhbar : Berita Harian

Tarikh : 09/01/2025

Edisi / Muka Surat : Nasional / 24

Tajuk : MyANGKASA Plus tawar pelan serendah RM33 sebulan

# MyANGKASA Plus tawar pelan serendah RM33 sebulan

Skim perlindungan sasar lebih 216,000 pelanggan sertai tiga jenis pelan mampu milik

Oleh Nur Amira Mohd Hedzer  
bhbiz@bh.com.my

ANGKASA menerusi anak syarikatnya MyANGKASA Holdings Sdn Bhd menyasarkan lebih 216,000 pelanggan membabitkan lebih 7.2 juta akaun bakal mendapat manfaat melalui Skim Perlindungan MyANGKASA Plus.

Kerjasama dengan Zurich Takaful Malaysia Bhd dan Zurich General Takaful Malaysia Bhd (Zurich Takaful) itu akan memberi manfaat perlindungan kepada kewangan koperasi dan syarikat serta anggota yang membuat pembiayaan bersama koperasi.

Perlindungan takaful di bawah skim itu akan menawarkan tiga jenis pelan mampu milik serendah RM33 sebulan dengan menyediakan perlindungan akibat kematian semula jadi sehingga RM70,000 dan sehingga RM150,000 bagi kematian akibat kemalangan.

Skim itu juga menawarkan perlindungan hilang upaya kekal dan yuran ambulans yang dapat meringankan kewangan ahli dan waris sekiranya ditimpa musibah.

## Perlindungan hilang kerja

Ia turut menawarkan perlindungan kehilangan pekerjaan tanpa sukarela akibat kemalangan ber-



Abdul Fattah menandatangani simbolik perjanjian kerjasama strategik antara Zurich Takaful Malaysia Bhd dan Zurich General Takaful Malaysia Bhd sambil diperhatikan Ahli Lembaga ANGKASA, Datuk Mohamad Ali Hasan (kiri); Ketua Pegawai Eksekutif Zurich Takaful, Nur Fatimah Mustafa dan Pengerusi merangkap Ahli Lembaga Pengarah Zurich Takaful, Cik Hasnah Omar (kanan) di Petaling Jaya, semalam. (Foto Amirudin Sahib/BH)

jumlah RM10,000 sebagai satu inisiatif menawarkan produk yang lebih berdaya saing.

Presiden ANGKASA, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah, berkata syarikat yang menggunakan khidmat Sistem Potongan Gaji ANGKASA (SPGA) juga akan mendapat manfaat daripada perlindungan ini.

"Skim ini akan memberikan manfaat bantuan kewangan kepada peminjam yang mengalami bencana, di mana pembiaya juga akan dilindungi dengan perlindungan ke atas pembiayaan yang diberikan untuk mengurangkan risiko ketidakmampuan bayaran semula dan tunggakan.

"ANGKASA akan memastikan skim ini dapat diuruskan dengan baik bagi memastikan manfaat yang akan disampaikan secara terus kepada waris tanpa keraguan bersama dengan perlindungan produk tambahan seperti hibah, wasiat dan pengurusan pusaka," katanya ketika perasmian Skim Perlindungan MyANGKASA Plus, di Petaling Jaya, semalam.

Abdul Fattah berkata, koperasi kredit adalah antara segmen koperasi yang paling berpotensi untuk melanggan Skim Perlindungan MyANGKASA Plus.

Beliau berkata, data terkini menunjukkan bahawa terdapat lebih

500 koperasi kredit yang aktif di Malaysia, dengan jumlah pinjaman yang diberikan kepada ahli mencecah berbilion ringgit.

"Skim ini bukan sahaja memberikan jaminan kepada ahli, tetapi juga membantu koperasi untuk mengurus risiko kredit mereka dengan lebih berkesan.

"Permintaan terhadap produk insurans dan takaful terus meningkat di Malaysia, selaras dengan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan perlindungan kewangan, terutama dalam menghadapi ketidakpastian ekonomi dan risiko yang tidak dijangka," katanya.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA